

23/10/1998

Khidmat nasihat SSB percuma

SALOMON Smith Barney (SSB), perunding kewangan kerajaan tidak akan mengenakan yuran khidmat nasihat terhadap perkhidmatannya kepada kerajaan, melainkan jika syarikat itu berjaya membantu memperolehi pinjaman dari pasaran antarabangsa.

Bagaimanapun, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata SSB akan menuntut segala perbelanjaan yang ditanggung mereka dalam menjalankan tugas sebagai penasihat kewangan dan ia tertakluk kepada had maksimum yang dipersetujui.

"Kerajaan percaya SSB memiliki tahap kemahiran dan objektiviti tinggi dalam menjalankan tugas mereka sebagai penasihat kewangan kepada kerajaan," katanya dalam jawapan bertulis kepada soalan Lim Guan Eng (DAP-Kota Melaka).

Menurut Perdana Menteri, SSB adalah anggota Kumpulan Travelers yang sudah mengumumkan penggabungan mereka dengan Kumpulan Citicorp April lalu yang dikenali sebagai CitiGroup Inc, kini adalah kumpulan institusi kewangan terbesar dunia.

Beliau berkata, SSB sudah melaksanakan tanggungjawab penting sebagai pengurus utama bersama bagi pengeluaran bon kadar tetap dolar Amerika Syarikat yang pertama di Malaysia pada 1990.

"Mereka juga pengurus utama bersama bagi pengeluaran bon dolar Amerika oleh Petronas berjumlah AS\$1.9 bilion pada 1996.

"Rekod pencapaian itu membuktikan kemampuan SSB menjayakan rancangan kerajaan bagi menerbitkan pinjaman wang asing, mempromosikan keadaan sebenar ekonomi negara bagi meningkatkan persepsi pelabur asing terhadap Malaysia," jelasnya.

Menurut Dr Mahathir, sebagai bank pelaburan, SSB mempunyai pembahagian fungsi cukup jelas dengan kegiatan jual beli bon dan mata wangnya tidak digabung atau dicampur aduk bersama kegiatan khidmat nasihat.

Beliau berkata, lazimnya dalam kegiatan jual beli bon dan mata wang asing dibuat untuk pelanggan dan ia bertindak sebagai 'pemilik dagangan' bagi meraih keuntungan bagi pihak bank.

"Dalam pasaran tidak menentu, kegiatan pemilik dagangan ini boleh mendedahkan institusi yang terbabit kepada risiko kerugian akibat kejatuhan pasaran.

"Umpamanya, kebanyakan institusi kewangan yang mempunyai pendedahan besar dalam pasaran ruble Russia mengalami kerugian, termasuklah SSB," jelasnya.

(END)